PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2008

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mampan

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 6.3% (S1 08: 7.1%) pada suku kedua 2008. Pertumbuhan disokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh manakala permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih sederhana.

Pertumbuhan mampan pada suku kedua 2008
(pada harga malar 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri berkembang dengan lebih sederhana pada suku kedua, namun masih kukuh pada 7.8% (S1 08: 10%). Penggunaan swasta meningkat 9% (S1 08: 11.7%) dalam persekitaran harga pengguna yang lebih tinggi dan sentimen pengguna yang sederhana. Perbelanjaan bagi emolumen, pertahanan, bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi menyokong pertumbuhan perbelanjaan awam (7.1%; S1 08: 10.5%). Aktiviti pelaburan terus mampan dan meningkat 5.6% (S1 08: 6%), disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan, terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, dan juga perbelanjaan pembangunan Kerajaan yang lebih tinggi.

Meskipun kebanyakan penunjuk pelaburan menyarankan perbelanjaan modal akan terus berkembang, kos aktiviti pelaburan yang meningkat telah mengurangkan perbelanjaan pelaburan dalam nilai benar.

Kesemua sektor utama menyumbang secara positif kepada pertumbuhan, kecuali sektor perlombongan. Sektor perkhidmatan meningkat 7.6% (S1 08: 7.9%), didorong oleh pertumbuhan kukuh subsektor perdagangan borong dan runcit serta prestasi subsektor komunikasi, pengangkutan dan penyimpanan; dan juga kewangan dan insurans yang menggalakkan.

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% (S1 08: 7%), dipacu oleh industri berorientasikan dalam negeri, khususnya industri kelengkapan pengangkutan, makanan dan berkaitan pembinaan. Industri berorientasikan eksport meningkat dengan lebih sederhana terutamanya disebabkan oleh pengeluaran komputer dan alat ganti yang lebih rendah dan kemerosotan dalam pengeluaran industri petroleum dan kimia. Pertumbuhan sektor elektronik dan elektrik (E&E) keseluruhan telah disokong oleh permintaan luar negeri terhadap keluaran elektrik dan separa konduktor. Sementara itu, industri berasaskan sumber terpilih seperti industri pemprosesan di luar estet dan keluaran getah terus menyokong industri berasaskan eksport.

Pertumbuhan sektor pertanian (5.9%; S1 08: 6.3%) disokong oleh peningkatan dua angka dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Sektor pembinaan pula meningkat dengan sederhana (3.9%; S1 08: 5.3%) berikutan kenaikan kos bahan binaan. Sementara itu, sektor perlombongan menguncup sedikit disebabkan oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 4.8% pada suku kedua (S1 08: 2.6%). Kadar inflasi yang lebih tinggi pada suku ini mencerminkan kenaikan harga runcit petrol dan diesel pada 4 Jun 2008 berikutan penstrukturan semula subsidi, di samping harga makanan yang meningkat. Harga bahan api dan makanan meningkat berikutan harga komoditi dan tenaga global yang lebih tinggi. Inflasi dijangka kekal tinggi mulai bulan Jun 2008, sebelum menjadi sederhana menjelang pertengahan tahun 2009.

Dalam sektor luaran, imbangan perdagangan mencatat lebihan tertinggi sebanyak RM40.8 bilion pada suku kedua (S1 08: RM26.8 bilion), hasil daripada eksport komoditi dan eksport perkilangan berasaskan sumber yang kukuh. Eksport kasar pula mencatat peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 20.8%, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan kukuh eksport pertanian dan mineral yang berterusan. Kedua-dua eksport tersebut khususnya mendapat manfaat daripada harga komoditi yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, eksport perkilangan juga meningkat (+12.3%; S1 08: -1.9%), disokong oleh kenaikan harga keluaran berasaskan sumber dan separa konduktor.

Import kasar meningkat 9.8% pada suku kedua, mencerminkan pertumbuhan lebih kukuh dalam semua kategori import. Import barangan pengantara meningkat 10.2% sejajar dengan eksport perkilangan yang lebih tinggi. Aktiviti pelaburan yang berterusan mendorong permintaan yang lebih tinggi terhadap import barangan modal. Pertumbuhan import barangan penggunaan yang kukuh sebanyak 21.1% sebahagian besarnya mencerminkan aktiviti penggunaan yang berterusan dan harga makanan dan minuman diproses yang tinggi.

Dalam akaun kewangan, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), seperti yang dipantau oleh Sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia, meningkat kepada RM12.2 bilion (S1 08: RM7.1 bilion). Aliran masuk FDI disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan, dan minyak dan gas. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek, FDI bersih meningkat kepada RM8.3 bilion (S1 08: RM2 bilion). Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3.5 bilion (S1 08: -RM6.6 bilion) mencerminkan pelaburan yang mampan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM31.8 bilion (S1 08: +RM1.5 bilion) disebabkan oleh penebusan bersih bon dan ekuiti oleh pelabur asing. Pada suku kedua, sentimen pelabur di Malaysia dan rantau Asia terjejas akibat kebimbangan terhadap kesan harga tenaga yang lebih tinggi dan kelembapan ekonomi AS terhadap prospek pertumbuhan rantau ini.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM410.9 bilion (bersamaan dengan USD125.8 bilion) pada 30 Jun 2008. Rizab berjumlah RM403.9 bilion (bersamaan dengan USD123.7 bilion) pada 15 Ogos 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

OPR tidak berubah

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada suku kedua tidak berubah pada 3.50%. Bank Negara Malaysia menjangka inflasi akan terus tinggi pada separuh kedua tahun 2008 dan berlarutan hingga ke permulaan tahun 2009 sebelum menjadi sederhana menjelang pertengahan tahun 2009. Penstrukturan semula harga tenaga dalam negeri secara menyeluruh pada bulan Jun dijangka mempunyai kesan deflasi terhadap ekonomi pada separuh kedua tahun ini hingga ke permulaan tahun 2009.

Dengan OPR tidak berubah, kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada suku kedua. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada suku kedua, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih rendah pada 6.08% pada akhir bulan Jun. Kadar deposit pula secara relatif stabil pada tempoh tersebut.

Aktiviti pembiayaan pada suku kedua terus kukuh dan menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang sebanyak 14.1% pada akhir bulan Jun. Pinjaman terkumpul meningkat 11.7% pada akhir bulan Jun, mercerminkan kenaikan untuk sektor perniagaan dan isi rumah, dengan pinjaman terkumpul kepada kedua-dua sektor ini masing-masing berkembang 14.4% dan 8.9%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman secara relatif kekal pada paras yang tinggi, dengan pembiayaan yang menyeluruh terus diberikan kepada sektor-sektor produktif dalam ekonomi.

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat dengan nyata kepada RM27.7 bilion pada suku kedua. Dalam sektor swasta, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS lebih tinggi pada RM15 bilion, manakala dana bersih yang diperoleh melalui pasaran ekuiti berjumlah RM1.7 bilion. Sektor awam pula memperoleh dana bersih sebanyak RM11 bilion.

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM16.1 bilion pada suku kedua, iaitu peningkatan kadar tahunan 14.2% pada akhir bulan Jun. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor swasta.

Pada suku kedua, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.4% berbanding dengan dolar AS. Dolar AS menjadi lebih kukuh dalam tempoh ini disebabkan oleh jangkaan bahawa penurunan kadar *Fed Funds* akan dihentikan buat sementara waktu. Di samping itu, kenaikan harga bahan api dan makanan global serta prospek pertumbuhan yang lebih sederhana menjejaskan sentimen pelabur terhadap rantau ini. Ini seterusnya mengakibatkan aliran keluar portfolio, yang mempengaruhi mata wang serantau lain termasuk ringgit. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan euro (-2.3%) dan paun sterling (-2.3%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (3.8%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau lain. Pada tempoh 1 Julai hingga 28 Ogos 2008, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS (-3.2%) dan yen Jepun (-0.5%), tetapi menambah nilai berbanding dengan euro (3.3%) dan paun sterling (5%). Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam julat 1.4% hingga 4%. Namun, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura dan won Korea masing-masing sebanyak 0.4% dan 0.3%.

Sistem perbankan terus berdaya tahan

Sistem perbankan terus berdaya tahan dan berkedudukan kukuh untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan ekonomi dalam negeri. Pada akhir bulan Jun 2008, permodalan sistem perbankan terus teguh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13% dan 10.1%. Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.2 bilion pada suku kedua, dengan pulangan atas aset dan ekuiti tahunan purata masing-masing pada 1.7% dan 22%. Sementara itu, pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3-bulan menurun lagi sebanyak 6.7% kepada RM17.8 bilion untuk mencakupi 2.7% daripada jumlah pinjaman bersih.

Prospek pertumbuhan

Persekitaran ekonomi dan kewangan antarabangsa dijangka menjadi lebih mencabar pada masa hadapan. Pertumbuhan global diunjurkan semakin lembap dengan beberapa ekonomi maju dijangka mengalami kelembapan yang berlarutan dan ekonomi sedang pesat membangun menghadapi sedikit penyederhanaan. Walaupun harga komoditi dan tenaga telah mengalami sedikit penyelarasan berikutan tanda-tanda pertumbuhan global yang lebih perlahan, harga masih pada paras yang tinggi. Sementara itu, pasaran kewangan antarabangsa terus lembap.

Ekonomi dalam negeri dijangka terjejas oleh kesemua perkembangan di luar negara tersebut. Di samping itu, kesan kenaikan harga dan kos komoditi dan bahan api akan terus memberikan kesan deflasi terhadap permintaan dalam negeri, selain mempengaruhi sentimen pengguna dan perniagaan. Walaupun terdapat tanda-tanda pertumbuhan semakin sederhana, dengan asas ekonomi yang teguh dan sektor perbankan yang berdaya tahan, ekonomi Malaysia berpotensi untuk terus mencatat pertumbuhan yang kukuh.